

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 16 JUN 2014 [ISNIN]

SOALAN : 43

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci sebab pihak **Kerajaan** tidak menggunakan **penyembur nyamuk AEDES** yang dicipta dan dihasilkan oleh saintis tempatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua

Ingin diperjelaskan di sini bahawa MOSTI merupakan kementerian yang terlibat untuk bersama-sama cuba mengenal pasti alternatif bagi memerangi AEDES dan DENGKI melalui penyelidikan dan pembangunan. Dalam hubungan ini MOSTI telah menyediakan dana penyelidikan melalui Dana Sains dan Dana Pra-Pengkomersilan. Mengenai soalan Yang Berhormat yang meminta Kerajaan memberi sebab kenapa tidak menggunakan penyembur nyamuk AEDES yang dicipta dan dihasilkan oleh saintis tempatan, saya ingin menjelaskan bahawa di bawah RMKe-9, MOSTI telah membayai satu projek penyelidikan menghasilkan **bahan penyembur nyamuk berdasarkan**

ekstrak sirih lada (*Piper aduncum*) oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini bagaimanapun hanya di peringkat makmal dan diuji di lapangan. Justeru penyembur ini masih belum bersedia untuk digunakan bagi memerangi nyamuk *aedes* kerana kegunaan penyembur ini adalah terhad kepada penggunaan isi rumah sahaja (*household space spray*). Penghasilan bahan penyembur ini juga masih di peringkat percubaan, dalam kuantiti yang terhad dan memerlukan kajian lanjut.

Sekian, terima kasih.